

**[APPLICATION OF THE FIQH METHOD “NO HARM TO ONESELF AND NOT  
HARMFUL TO OTHERS” (LA DARAR WA LA DIRAR) IN DEALING WITH  
THE PANDEMIC ISSUE OF COVID-19 IN MALAYSIA]**

**APLIKASI KAEDAH FIQH ‘TIADA MUDARAT DAN TIDAK BOLEH MEMBERI  
MUDARAT’ (LA DARAR WA LA DIRAR) DALAM MENDEPANI  
ISU PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA**

<sup>1</sup>NOR MUSFIRAH MOHAMAD

<sup>1</sup>AZHAN TAQIYADDIN ARIZAN

<sup>1</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs),  
02000 Kuala Perlis, Perlis, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [musfirah@kuips.edu.my](mailto:musfirah@kuips.edu.my), [azhan@kuips.edu.my](mailto:azhan@kuips.edu.my)

Received Date: 19 April 2021 • Accepted Date: 22 June 2021

**Abstract**

*The Covid-19 pandemic crisis that hit Malaysia has changed the norm of human life in many ways. The government has drafted and issued new Standard Operating Procedure (SOP) and enforced the Movement Control Order (PKP) in an effort to curb the spread of the Covid-19 epidemic. Through the principles of Islamic jurisprudence, one of the methodologies for determining the law is based on the method of fiqh (Qawa'id fihiyyah). Therefore, the method of fiqh can be a guiding instrument in facing this pandemic. The research question for this study is how the application of the fiqh method "No Harm to Oneself And Not Harmful to Others" (La Darar Wa La Dirar) in determining the law related to the issue of Covid-19. This paper aims to explain the aspects of the use of the fiqh method "No Harm to Oneself And Not Harmful to Others" (La Darar Wa La Dirar) that can be applied in dealing with the Covid-19 pandemic in Malaysia. This method is taken directly from the hadith of the Prophet S.A.W. is seen as very important in helping contemporary scholars to find similarities and make comparisons on various fiqh issues and make adjustments to new problems that do not yet have the backing of Islamic law. The research method used is a qualitative study through exploration of various library sources by examining books related to Qawa'id fiqh iyyah, current fatwas in accordance with the situation of Covid-19, journals and reports of authoritative physicians and fiqh scholars in the issue of Covid-19 in Malaysia. In addition, observation techniques were also carried out. The collected data were analyzed and explained using inductive, deductive and comparative methods to obtain appropriate results in accordance with the objectives of the article. The findings of the study found that the fiqh method of "No Harm to Oneself And Not Harmful to Others" (La Darar Wa*

*La Dirar*) and several branches of the method are applied in many problems related to the implementation and government directives during the Covid-19 pandemic in Malaysia and can be used as a benchmark for self-care of the individual, society and country from the threat of this virus. Although it is not explicitly mentioned but the action taken is in line with the method of fiqh which recommends that all harms be removed. Thus, the scholars of *usul fiqh* formulate the method emphasizing the need to eliminate all harms as approved by the Islamic law and the method is formulated based on the command of Allah SWT: "Do not spread corruption in the land after it has been set in order. And call upon Him with hope and fear. Indeed, Allah's mercy is always close to the good-doers." (Al-A'raf: 56). Therefore, Muslims and the multi-racial community in Malaysia are not allowed to do anything that not only endangers themselves, but also causes harm to others.

**Keywords:** Application of Fiqh Method, "No Harm to Oneself and Not Harmful Others", *La Darar wa la Dirar*, Covid-19 Pandemic Issue, Malaysia.

### Abstrak

Krisis pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia banyak mengubah norma kehidupan manusia. Pihak kerajaan telah merangka dan mengeluarkan Standard Operating Procedure (SOP) baharu dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan kerajaan dalam usaha menangani penularan wabak Covid-19. Menerusi ilmu *usul fiqh*, salah satu metodologi penentuan hukum adalah berasaskan kaedah fiqh (Qawa'id fihiyyah). Oleh yang demikian, kaedah fiqh boleh menjadi instrumen panduan dalam menghadapi pandemik ini. Persoalan kajian ini adalah bagaimana pengaplikasian kaedah fiqh 'Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat' (*la darar wa la dirar*) dalam penentuan hukum berkaitan isu Covid-19. Kertas kerja ini bertujuan menjelaskan aspek penggunaan kaedah fiqh 'Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat' (*la darar wa la dirar*) yang boleh diaplikasikan dalam mendepani pandemik Covid-19 di Malaysia. Kaedah ini diambil secara langsung daripada hadis Nabi SAW dilihat sangat penting dalam membantu para ulama kontemporari mencari persamaan dan membuat perbandingan terhadap isu-isu fiqh yang pelbagai dan penyesuaian dibuat dengan permasalahan baru yang belum mempunyai sandaran hukum syarak. Metode kajian yang diguna pakai adalah kajian kualitatif melalui penerokaan terhadap sumber kepustakaan yang pelbagai dengan meneliti buku-buku berkaitan Qawaid fiqh iyyah, fatwa semasa dengan disesuaikan dengan situasi Covid-19 ini, jurnal serta laporan pihak berautoriti pakar perubatan dan ahli fiqh dalam isu Covid-19 di Malaysia. Selain itu, teknik observasi turut dijalankan. Data-data yang dikumpul dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif bagi mendapatkan natijah yang sesuai selaras dengan objektif artikel yang telah ditetapkan. Dapatan kajian mendapati kaedah fiqh 'Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat' (*la darar wa la dirar*) dan beberapa cabang kaedah diaplikasi dalam banyak permasalahan yang berkait dengan pelaksanaan dan arahan kerajaan semasa pandemik Covid-19 di Malaysia dan mampu digarap sebagai penanda aras untuk penjagaan diri, masyarakat dan negara daripada ancaman virus ini. Walaupun ia tidak disebut secara jelas tetapi tindakan yang diambil adalah selari dengan kaedah fiqh tersebut yang menyarankan supaya semua kemudaratkan dihilangkan. Justeru, ulama *usul fiqh* merumuskan kaedah tersebut menekankan keperluan untuk menghilangkan dan menghapuskan semua kemudaratkan yang diperakui syarak dan kaedah berkenaan dirumuskan berdasarkan perintah daripada Allah SWT. Oleh itu, orang Islam dan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia

tidak dibenarkan melakukan sesuatu tindakan yang bukan sahaja membahayakan diri sendiri, bahkan mencetuskan kemudaratan kepada orang lain.

**Kata Kunci:** Aplikasi Kaedah fiqh, ‘Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat’, *la darar wa la dirar*, Isu Pandemik Covid-19, Malaysia.

**Cite as:** Nor Musfirah Mohamad & Azhan Taqiyyaddin Arizan. 2021. Aplikasi kaedah fiqh ‘tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat’ (*la darar wa la dirar*) dalam mendepani isu pandemik Covid-19 di Malaysia. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1): 153-166.

## PENGENALAN

Detik sejarah bermula pada 18 Mac 2020 satu tarikh yang terpahat dalam ingatan buat seluruh rakyat Malaysia khususnya, berlaku gelombang pandemik wabak koronavirus (Covid-19) yang meragut nyawa ribuan rakyat Malaysia. Menurut pakar ilmu perubatan dan kesihatan menyatakan bahawa Covid-19 mampu merebak melalui sentuhan antara manusia dan juga objek-objek yang disentuh oleh pesakit dan pembawa virus. Seseorang itu juga boleh dijangkiti Covid-19 jika mereka berada dekat dengan pesakit Covid-19 yang batuk atau bersin (KKM: 2020). Justeru, bagi mengurangkan kadar kebolejangkitan tindakan pencegahan diambil oleh pihak KPM dengan nasihat pihak KKM iaitu mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2020 dilaksanakan di seluruh negara. Sehingga Jun 2021, rakyat Malaysia telah melalui PKP 1.0, 2.0 dan 3.0. Kerajaan Malaysia mengeluarkan beberapa arahan dan SOP dalam usaha menyekat rantaian penularan wabak termasuklah antaranya larangan program berbentuk himpunan orang ramai, penutupan masjid dan surau daripada melakukan solat berjemaah dan solat Jumaat dan arahan penutupan pejabat dan premis oleh pihak KPM. Antara SOP norma baharu yang perlu dipatuhi semua rakyat Malaysia adalah penjarakkan fizikal sekurang-kurangnya satu meter, memakai penutup hidung dan mulut di tempat awam, kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau pembasmi kuman (*hand sanitizer*)

Kaedah ‘*la darar wa la dirar*’ yang diambil secara langsung daripada sabda Nabi SAW (al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar 2007). Kaedah fiqh ‘Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat’ (*la darar wa la dirar*) menunjukkan betapa syariat Islam mengambil berat tentang perkara yang mendatangkan manfaat kepada manusia secara keseluruhannya dan menghalang mereka daripada melakukan kemudaratan kepada diri dan masyarakat. Matlamat akhir daripada kaedah ini sudah tentu untuk mencari keredaan Allah SWT yang menyukai orang berbuat kebaikan dan kasihan belas serta membenci orang-orang yang memberi mudarat kepada orang lain. Persoalannya, adakah kaedah ini boleh diaplikasikan dalam mendepani pandemik Covid-19 di Malaysia. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan dan menyingkap aspek penggunaan kaedah fiqh ‘*la darar wa la dirar*’ yang boleh diaplikasikan dalam mendepani pandemik Covid-19 di Malaysia.

## KONSEP KAEDAH ‘TIADA MUDARAT DAN TIDAK BOLEH MEMBERI MUDARAT’ (*LA DARAR WA LA DIRAR*)

### Definisi Kaedah (*La Darar Wa La Dirar*)

Kaedah fiqh ‘Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat’ (*la darar wa la dirar*) merupakan salah satu daripada lima kaedah fiqh yang utama (*al-Qawa'id al-Kulliyah al-Khams*) (al-Sayuti, Abdul Rahman bin al-Kamal. 1983). Ia merupakan kaedah dasar dan bersifat umum yang dapat diterapkan pada perkara *juz'ie* pelbagai hukum fiqh terhadap perbuatan *mukallaf* (Suparmin. 2013).

Perkataan *darar* bermaksud sesuatu yang bertentangan dengan manfaat (Ibn Manzur: t.t), manakala menurut istilah ia bermaksud melakukan kerosakan terhadap kemaslahatan yang disyariatkan sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain secara tidak benar, melampau atau cuai (Zaydan, 2001). Namun demikian, terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha mengenai maksud perkataan *dirar*. Terdapat fuqaha yang mengatakan maknanya sama seperti *darar* dan disebut dengan kedua-duanya dalam hadis dengan tujuan *ta'kid* (penguat), dan ada yang menyatakan terdapat perbezaan antara keduanya. Sebahagian ulama menyatakan yang dimaksudkan dengan ‘*darar*’ ialah memberi mudarat kepada orang lain yang tidak memudaratkan kamu. Sedangkan yang dimaksudkan ‘*dirar*’ ialah membalas orang yang memudaratkan kamu dengan hal yang tidak setara dan bukan untuk membela kebenaran (Ibn Manzur: t. thn).

Justeru, kaedah fiqh ini menjelaskan bahawa semua jenis kemudaratannya yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratannya itu wajib dihilangkan daripada terus berlaku. Wajib ke atas setiap individu menghilangkan mudarat terhadap dirinya, begitu juga tidak harus bagi individu tersebut menyebabkan mudarat kepada orang lain (Zaydan. 2001). Kemudaratannya wajib dihilangkan sebelum berlakunya perkara tersebut, wajib juga dihilangkan ketika berlakunya perkara tersebut dengan menghilangkan mudarat tersebut, atau menyediakan alternatif lain bagi menggantikan mudarat dan menjatuhkan hukum kepada pelaku mudarat dengan hukuman yang sesuai (al-Sayuti, 1983). Contoh perlaksanaan kaedah ini adalah suntikan vaksin perlu diambil oleh bayi bagi mengelakkan mudarat ke atas bayi tersebut dan mudarat yang mungkin menimpa bayi lain, kesan daripada bayi tersebut yang tidak mengambil vaksin (Zulfaqar Mamat. 2020; Muiz, 2020)

### Dalil Kaedah (*La Darar Wa La Dirar*)

Menurut ulama usul fiqh, kaedah ini dirumuskan berdasarkan tegahan Allah SWT yang melarang perbuatan yang memberi mudarat kepada diri dan orang lain melalui dalil al-Quran dan hadis Nabi SAW. Dalil daripada al-Quran berdasarkan Firman Allah SWT:

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَلْيَعْنَ أَجْلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا  
وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ وَلَا تَتَّخِذُوا آيَاتِ اللَّهِ هُزُوعًا وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أُنْزِلَ عَلَيْكُمْ مِنَ  
الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةِ بِعَظْمٍ بِهٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ٢٣١

Maksudnya: “Apabila kamu menalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir idahnya, maka rujukilah mereka dengan cara yang makruf, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang makruf (pula). Janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudahan, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka. Barang siapa berbuat demikian, maka sungguh ia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. Janganlah kamu jadikan hukum-hukum Allah sebagai permainan. Dan ingatlah nikmat Allah padamu, dan apa yang telah diturunkan Allah kepadamu iaitu al-Kitab (al-Qur’an) dan al- Hikmah (As Sunah). Allah memberi pengajaran kepadamu dengan apa yang diturunkan-Nya itu. Dan bertakwalah kepada Allah serta ketahuilah bahwasanya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu’(Surah al-Baqarah 2: 231).

Berdasarkan ayat ini, (Ibn Kathir (t.t) berpendapat Allah SWT melarang suami rujuk isterinya yang ditalak bertujuan untuk memberi kemudahan kerana ia menzalimi mereka. Sabda Rasulullah SAW:

عن ابن عباس رضى الله عنهما قال: قال رسول الله ص لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: ‘Daripada ibn ‘Abbas ra berkata: sabda Rasulullah s.a.w: Tiada mudarat dan tidak boleh memberi mudarat’ [Ibn Majah, no. 2431]

Hadis di atas merangka kaedah fiqh yang pelbagai daripada ungkapan لا ضرر ولا ضرار bagi memudahkan sesuatu ketika darurat atau menjadi alasan bagi melakukan sesuatu yang diperintah oleh Allah SWT tanpa alasan atau meninggalkannya. Sebagai seorang Muslim dilarang untuk menyakiti atau membalas sesama saudara Muslim dengan mudarat melalui ungkapan, perbuatan atau sebab yang lain tanpa hak, sama ada ia mempunyai manfaat atau tidak dalam sesuatu hal itu (al-Khashni.1971) menegaskan darurat itu yang bermanfaat baginya, dan pada orang lain adanya darurat. Oleh itu perkara ini sangat berbahaya kerana lebih kepada kepentingan diri sendiri sahaja untuk mempunyai manfaat namun orang lain tidak mempunyai manfaat malah merugikan. Oleh itu hadis ini sangat bersesuaian untuk menjadi hujah bagi mengelak kemudahan serta memberi kepentingan kepada semua umat Islam dalam segala suruhan Allah SWT dalam apa jua keadaan.

### **Kaedah-kaedah Pecahan Bagi Kaedah Utama (*la darar wa la dirar*)**

Kaedah ‘Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat’ (*la darar wa la dirar*) adalah kaedah dasar, terdapat sejumlah kaedah yang berkaitan dengan kaedah ini. Antara kaedah pecahan yang utama adalah seperti berikut: (Ibnu Nujaim. t.t)

- a. الضرر يزال (Kemudahan hendaklah dihilangkan)

Kaedah ini bermaksud sekiranya berlaku kemudahan maka ia wajib dihilangkan. Ia juga bermaksud sesuatu yang boleh menyebabkan dan mendatangkan bahaya mesti dihapus dan dihindarkan. Oleh itu, kerosakan dan kemudahan kepada diri sendiri dan juga orang lain tidak

boleh dilakukan malah wajib dihindarkan atau dihilangkan termasuk yang berkaitan dengan hak umum. Jumhur ulama juga menetapkan bahawa segala yang boleh memudaratkan kaum muslimin wajib di jauhi (Abdul Latif & Rosmawati 2000). Kaedah ini lahir antaranya daripada firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٥٦

Maksudnya: ‘Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah (Allah) memperbaikinya dan berdoalah kepadaNya dengan rasa takut (tidak akan diterima) dan harapan (akan dikabulkan). Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik (Surah al-A’raf(7): 56)

Kaedah ini menetapkan asas bahawa setiap individu perlu menghapuskan mudarat kepada dirinya dan tidak harus memberi mudarat kepada orang lain. Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

1. Fasakh nikah kerana ada kecacatan
  2. Harus membunuh binatang yang membahayakan dan merosakan seperti ular tedung, tikus (Ibnu Nujaim, t.t)
  3. *Dhaman* (ganti rugi) barang yang rosak (Imam Jalaludin Abdul Rahman As-Suyuti. 2016)
  4. Jika seseorang itu disahkan oleh para doktor bahawa mempunyai ketumbuhan di bahagian tertentu di dalam tubuh badannya yang boleh memberikan kemudaratan kepadanya, maka wajib dibuang ketumbuhan itu daripada tubuh badan pesakit tersebut (Muhammad Zaharuddin Zakaria et.al 2016)
- b. يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام (Ditanggung kemudaratan yang khusus untuk menolak kemudaratan yang umum)

Jika bertembung antara perkara yang memberikan kemudaratan kepada umum dan kemudaratan khusus, maka dibolehkan untuk melakukan perkara yang membawa kepada kemudaratan khusus bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan kepada umum. Mudarat umum melibatkan semua orang, sedangkan mudarat khusus melibatkan individu atau golongan kecil sahaja, maka dalam keadaan berlaku pertembungan antara mudarat umum dan mudarat khusus yang lebih rendah kedudukannya, maka mudarat umum perlu dihindari terlebih dahulu sekalipun terpaksa melakukan mudarat khusus (al-Nadawi 1998). Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

1. Seseorang yang menghidap penyakit yang mudah berjangkit akan dikenakan perintah kuarantin bagi mengelakkan penyakit tersebut merebak kepada orang ramai.
2. Kerajaan berhak menahan doktor palsu yang tiada kelulusan daripada membiarkan mereka merawat pesakit yang membahayakan nyawa ramai orang awam.
3. Mencegah kegiatan monopoli golongan tertentu terhadap barangan asasi kerana ia membawa mudarat kepada masyarakat.

4. Kerajaan berhak mencegah penduduk kawasan tertentu keluar atau orang luar masuk ke kawasan wabak seperti taun demi mencegah kemudaratannya umum.
- c. درء المفسد أولى من جلب المصالح (Menolak kerosakan lebih utama dari mendatangkan kebaikan)

Kaedah ini bermaksud menolak mudarat adalah lebih didahulukan dari mendatangkan maslahat. Imam ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam menyatakan di dalam kitabnya *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam* bahawa dengan melakukan kaedah menolak kemudaratannya ia sekali gus telah mencapai maksud mendatangkan maslahat itu sendiri. Ini kerana maslahat turut akan tercapai dengan menghilangkan mudarat sedia ada atau mencegah daripada berlakunya mudarat. Ini kerana Allah SWT lebih menekankan mencegah perkara yang dilarang terlebih dahulu berbanding melakukan perkara yang diperintahkan. Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah (al-Suyuti, 2016; Ibnu Nujaim, t.th.):

1. Solat tanpa wuduk, menutup aurat dan mengadap kiblat.
2. Berlebih-lebihan dalam berkumur ketika berpuasa.
3. Kewajipan untuk mencegah daripada penjualan arak, dadah dan seumpamanya sekalipun ia memberi pulangan yang baik daripada segi ekonomi kepada negara kerana keburukannya yang lebih besar.
- d. الضرر يدفع بقدر الإمكان (Kemudaratannya dihindari daripada berlaku mengikut kadar kemampuan)

Kaedah ini bermaksud kemudaratannya harus dihindari daripada berlaku mengikut kadar kemampuan. Oleh itu, segala usaha hendaklah dilakukan untuk membendung atau menyekat supaya tidak berlaku sesuatu kemudaratannya. Ia juga terkait dalam bab menutup pintu kerosakan (*sadd al-zara'i*). Sekiranya tidak dapat menghindari kesemua mudarat maka wajib menghindari sekadar yang boleh berdasarkan kemampuan (Sadlan, 1417H). Antara contoh pelaksanaan kaedah ini ialah:

1. Pemerintah boleh mengenakan sekatan kepada orang yang berhutang untuk bermusafir ke luar negara berdasarkan permintaan dari pemiutang atau wakilnya.
2. Saidina Abu Bakar r.a mengumpul dan membukukan al-Quran supaya ia tidak hilang memandangkan banyak penghafaz gugur syahid.
3. Tindakan Saidina Uthman r.a mengumpul al-Quran dalam satu mushaf supaya tidak ada perselisihan bacaan kalangan umat Islam.

#### **APLIKASI KAEDAH ‘TIADA MUDARAT DAN TIDAK BOLEH MEMBERI MUDARAT’ (LA DARAR WA LA DIRAR) DAN PECAHANNYA DALAM ISU PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA**

Status terkini covid-19 Malaysia sehingga 18 Jun 2021 menunjukkan jumlah kes keseluruhan sebanyak 685,204 kes, kes baharu dicatatkan sebanyak 6,440 kes. Manakala jumlah kes kematian sebanyak 4,276 kes dengan kes kematian baharu sebanyak 74 kes. Namun demikian,

jumlah keseluruhan kes sembuh sebanyak 615,326 (KKM, 18 Jun 2021). Memandangkan ancaman virus yang serius dan membahayakan, tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan. Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 dan kemudiannya dilanjutkan berdasarkan kadar peningkatan kes untuk mencegah penularan wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat (Mahyuddin Yassin, 16 Mac 2020). Namun melihat trend peningkatan penyakit ini dan risiko menjangkiti yang tinggi, kerajaan mengambil langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan kali ke-2 (PKP 2.0) bermula pada 22 Januari 2021 sehingga 4 Februari 2021 bagi seluruh negeri di Malaysia kecuali Sarawak (*Sinar Harian* 19 Januari 2021). PKP 3.0 bermula 1 Jun 2021 disambung untuk tempoh dua minggu berkuat kuasa pada 15 Jun sehingga 28 Jun 2021 (MKN, 11 Jun 2021 [www.mkm.gov.my](http://www.mkm.gov.my)). Walaupun tindakan yang diambil oleh kerajaan menimbulkan kesulitan dan kesukaran kepada rakyat, tetapi dalam masa yang sama ia perlu dilakukan untuk membendung penularan wabak daripada terus berlaku yang akan menimbulkan bahaya yang lebih besar dan mengorbankan nyawa yang lebih banyak.

Dalam konteks kaedah fiqh, kaedah ‘Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat’ (*la darar wa la dirar*) dan beberapa kaedah pecahannya sesuai diaplikasikan terhadap situasi wabak Covid-19. Berikut merupakan beberapa pemakaian dan aplikasi kaedah tersebut dalam menangani permasalahan berkaitan Covid-19 melalui langkah-langkah pencegahan yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia.

a. الضرر يزال (Kemudaratan hendaklah dihilangkan)

Dalam konteks Covid-19, semua SOP dan arahan PKP yang diumumkan pihak kerajaan selari dengan kaedah fiqh yang menyarankan supaya semua jenis kemudaratan hendaklah dihilangkan, sama ada ia bersifat umum kepada semua anggota masyarakat atau khusus kepada golongan tertentu sahaja. Antaranya adalah seperti berikut (*The Official twitter for Ministry Of Health, Malaysia* <http://moh.gov.my>):

1. Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya.
2. Penutupan semua Taman Asuhan Kanak-kanak, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti.
3. Penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran
4. Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*) iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.
5. Individu yang mengalami simptom jangkitan wabak Covid-19 juga perlu memainkan peranan menolak kemudaratan daripada terkena kepada orang lain, dengan mematuhi



perintah kuarantin sama ada di hospital atau di rumah, tidak melarikan diri, tidak menyembunyikan fakta dan sedia memberi kerjasama apabila diminta berbuat demikian bagi mengurangkan risiko jangkitan kepada orang lain.

6. Pesakit Covid-19 hendaklah dikuarantin di pusat kuarantin di sediakan pihak KKM atau *self quarantine* di rumah bagi pesakit tahap yang tidak kritikal, supaya tidak menyumbang kepada penularan wabak kepada orang lain.
- b. يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام (Ditanggung kemudaran yang khusus untuk menolak kemudaran yang umum)

Dalam konteks isu Covid-19, antara SOP baharu PKP yang diumumkan pihak kerajaan yang aplikasi kaedah ini adalah seperti berikut:

1. Rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (*self quarantine*) selama 14 hari merupakan mudarat yang khusus ditanggung bagi menolak kemudaran yang umum untuk mengelakkan jangkitan wabak Covid-19 kepada masyarakat umum.
2. Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara dan sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke Malaysia merupakan mudarat yang khusus ditanggung individu masyarakat untuk menolak kemudaran yang umum bagi mengelakkan berlaku penularan wabak Covid-19.
3. Tindakan kuarantin kepada pesakit Covid-19 dan individu yang ada kontak rapat (*close contact*) dengan pesakit Covid19 oleh pihak KKM merupakan kemudaran khusus yang ditanggung bagi menolak kemudaran umum iaitu mengelakkan lebih ramai anggota masyarakat dijangkiti wabak atau penyakit tersebut (Ibn Bayyah 2020).
4. Pihak kerajaan (KDNKK) menyekat kegiatan monopoli yang dilakukan pihak pengeluar dengan meletakkan harga siling yang munasabah kepada barangan keperluan asasi semasa PKP Covid-19 merupakan mudarat khusus yang ditanggung pihak pengeluar bagi menolak mudarat yang umum kepada pengguna dengan belian barangan harga yang tinggi.
5. Individu yang tidak mematuhi SOP terpaksa mengeluarkan wang dengan membayar denda atau dipenjarakan merupakan mudarat yang khusus ditanggung untuk memberi keadilan dan mencegah berlakunya kemudaran yang lebih besar dengan menyebabkan penularan jangkitan (Zulfaqr Mamat 2020).
- c. درء المفاسد أولى من جلب المصالح (Menolak kerosakan lebih utama daripada mendatangkan kebaikan)

Dalam konteks isu Covid-19, aplikasi kaedah ini berdasarkan mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang bersidang pada 15 Mac 2020 memutuskan untuk menangguhkan semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan berjemaah bermula 16 Mac sehingga 26 Mac 2020. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri kemudiannya berkata ‘tempoh 10 hari tersebut adalah tertakluk kepada nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)’ (Suraya Roslan: 16 Mac

2020). Kesemua negeri kemudiannya melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri telah mengambil langkah yang sama untuk menangguhkan pelaksanaan aktiviti di masjid dan surau negeri masing-masing.

Antara justifikasi yang menyokong pelaksanaan penangguhan aktiviti tersebut ialah keutamaan untuk menolak keburukan terlebih dahulu sebelum mendatangkan kebaikan. Ini kerana jika berlakunya perhimpunan beramai-ramai walaupun apa jua tujuan keagamaan, maka ia sangat berisiko untuk membawa kepada kemudaratatan dan kebinasaan, sedangkan prinsip Islam ialah menolak kemudaratatan (Bayan Linnas Siri Ke-225: 17 Mac 2020). Walaupun solat berjemaah dan solat Jumaat terdapat kebaikan seperti mematuhi perintah Allah, mendapat pahala, erat silaturahim sesama Jemaah, tetapi dalam situasi Covid-19 kemudaratatan lebih meluas sehingga mengancam nyawa maka penangguhan tersebut menolak kemudaratatan lebih baik berbanding kebaikan yang diperoleh dalam solat Jumaat atau berjemaah. Ini selaras dengan Fatwa Syar'ie, Emiriah Arab Bersatu (UAE) berkaitan Covid-19 mengatakan 'haram menurut syarak kepada yang menghidapi penyakit ini atau mengalami simptom-simptomnya untuk berada di tempat-tempat awam, atau pergi ke masjid untuk menunaikan solat berjemaah, solat Jumaat dan solat sunat Hari Raya.

Begitu juga seperti aktiviti ziarah- menziarahi dan menjemput rakan dan saudara mara menghadiri majlis keraian seperti kenduri perkahwinan, rumah terbuka, kenduri tahlil dan sebagainya. Walaupun semua aktiviti mempunyai kebaikan seperti erat silaturahim, memberi makan kepada tetamu, namun terdapat kerosakan atau kemudaratatan yang lebih besar melalui perhimpunan beramai-ramai menyebabkan penularan jangkitan wabak Covid-19 sehingga boleh membawa kematian dan bertentangan *maqasid* syariah iaitu memelihara nyawa.

d. الضرر يدفع بقدر الإمكان (Kemudaratatan dihindari sebaik mungkin mengikut kemampuan)

Kemudaratatan sesuatu perkara perlu dihindari mengikut kemampuan individu atau komuniti. Langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh pihak berkuasa semasa berlakunya wabak Covid-19 menepati kaedah fiqh yang menyatakan bahawa kemudaratatan hendaklah dihindari seberapa upaya yang mungkin berdasarkan kemampuan masing-masing. Antara langkah-langkah pencegahan mengurangkan risiko jangkitan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2020) adalah dengan mengamalkan SOP norma baharu seperti berikut :  
(*The Official twitter for Ministry Of Health, Malaysia* <http://moh.gov.my>)

1. Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk atau bersin.
2. Memakai penutup hidung dan mulut apabila berurusan dengan orang lain.
3. Kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau pembasmi kuman.
4. Pastikan menjaga kebersihan sepanjang masa.
5. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya SATU meter
6. Pengambilan Imunisasi Vaksin Covid-19

Berdasarkan contoh-contoh SOP norma baharu yang disarankan oleh KKM di atas selari dengan kaedah fiqh yang menyatakan bahawa kemudaratatan hendaklah dihindari seberapa upaya yang mungkin berdasarkan kemampuan masing-masing. Jika ditinjau, semua langkah-langkah ini mampu dilakukan oleh setiap individu masyarakat Malaysia dalam melindungi diri

dan orang ramai daripada dijangkiti virus koronavirus Covid-19. Seandainya, semua masyarakat mengamalkan semua norma baharu berikut, penularan kes jangkitan dapat dikurangkan. Selain itu, pengambilan Vaksin Covid-19 di kalangan komuniti bagi golongan yang ditetapkan pihak kerajaan (KKM) melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan merupakan langkah pencegahan daripada penyakit yang berjangkit atau wabak yang boleh membawa kepada risiko kematian. Ia selaras dengan kaedah ‘Kemudaratan dihindari sebaik mungkin mengikut kemampuan’. Oleh itu, kemudaratan jangkitan penyakit berjangkit boleh dihindari dengan pengambilan vaksin Covid secara berkelompok dengan sasaran 80% dan mampu di laksanakan oleh rakyat Malaysia.

## KESIMPULAN

Aplikasi kaedah fiqh ‘Tiada Mudarat Dan Tidak Boleh Memberi Mudarat’ (*la darar wa la dirar*) dan pecahannya merupakan kaedah-kaedah yang penting dalam membawa kemaslahatan dan menghindari kemudaratan dalam kehidupan manusia. Kaedah ini bertujuan menghalang seseorang daripada melakukan kemudaratan kepada diri sendiri dan mendatangkan mudarat kepada orang lain. Mendedahkan diri kepada jangkitan Covid-19 boleh mengakibatkan mudarat kepada diri sendiri dan memindahkan virus kepada orang lain. Perkara ini adalah ditegah kerana mendedahkan diri kepada kematian akibat jangkitan virus ini. Penjarakan fizikal ketika solat berjamaah di masjid dan surau seperti yang ditetapkan dalam SOP adalah menepati kaedah ini. Kesan penularan virus ini adalah mudarat yang wajib dihilangkan dengan memutuskan rangkaian penyebarannya kerana ia boleh mengakibatkan kematian di kalangan manusia.

Melalui aplikasi kaedah ini dalam kehidupan maka sesuatu masalah atau kes dapat dikenal pasti hukum dan penyelesaiannya berdasarkan syariat Islam. Ia memberi ketenangan dan keyakinan kepada masyarakat setelah mendapati apa yang mereka lakukan adalah bertepatan dengan prinsip umum. Penelitian dalam isu Covid-19 mendapati banyak arahan dan pelaksanaan yang dilaksanakan di Malaysia secara dasarnya menepati prinsip kaedah ‘*la darar wa la dirar*’ dan juga kaedah-kaedah pecahan yang berada dibawahnya. Aplikasi kaedah ini secara menyeluruh turut membantu dalam memastikan urusan kehidupan manusia dapat ditadbir dengan sebaik-baiknya mengikut acuan dan ketetapan syariat Allah SWT. Islam melarang perbuatan yang membawa kemudaratan kepada orang lain di persekitarannya, sama ada keluarga, masyarakat mahupun rakyat di negaranya tanpa mengira perbezaan agama tetapi untuk membawa kesejahteraan buat manusia.

## RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali@Mat Zin (2020). *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Astro Awani. (2020). Diambil dari. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/hanya-seorang-sahaja-boleh-keluar-rumah-beli-barangan-234639>. 21 Mac

Athiyah, ‘Adlan ‘Athiyah Ramadhan (2007). *Mawsu’ah al-Qawa’id al-Fiqhiyah al-Munazzamah li al-Mu’amalat al-Maliyah al-Islamiah wa Dauruha fi Taujih al-Nuzum al-Mu’asirah*. Alexandria: Dar al-Iman.

- Bayan Linnas Siri Ke-225 (2020). Covid-19: Fatwa-Fatwa Terkini Berkaitan Penangguhan Solat Jumaat Dan Solat Berjemaah. Diambil dari <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah>. 25 Disember.
- BERNAMA (2020). Covid-19 & Embracing New Norms. Diambil dari <https://www.bernama.com/en/general/covid-19.php>. 29 Disember.
- BERNAMA (2021). MALAYSIA COVID-19 Statistics. Diambil dari <https://www.bernama.com/en/general/covid-19.php>. 30 Januari.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (1998). *Sahih al-Bukhari*. al-Riyadh: Bait al-Afkar al-Dawliyah.
- Firman Arifandi, L (2018). *Qawaid Fiqhiyyah Sebagai Formulasi Hukum*. Jakarta: Lentera Islam.
- Ibn Bayyah, Syeikh 'Abd Allah (25 Disember 2020). Fatwa dan Virus Covid-19 wa ma Yataalaku Biha Min Ahkam. Diambil dari <http://binbayyah.net/arabic/archives/4505>
- Ibn Kathir, Ismail (t.th). *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid al-Qazwini (1996). *Sunan Ibn Majah Bi Sharh al-Sanadi*. Dar al-Ma'rifah. Beirut. Jld. 3.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makram (t.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Nujaym. t.th. *al-Asyabah wa al Nadhair*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Iqbal, M (2018). Urgensi Kaidah-Kaidah Fikih Terhadap Reaktualisasi Hukum Islam Kontemporer. *EduTech: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Ilmu Sosial*, 4(2).
- Jabatan Mufti Negeri Perak (2020). Peranan dan Pendekatan Ulul Amri dalam Pencegahan Wabak Covid-19. Diambil dari [http://mufti.perak.gov.my/images/minda\\_mufti/2020/kenyataan/kr14.pdf](http://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2020/kenyataan/kr14.pdf). 24 Disember.
- Kalsom Awang & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin (2020). Pengaplikasian Qawa'id fiqh iyyah dalam Pengurusan Alam Sekitar. *Jurnal Perspektif* (ISSN 1985 - 496X), Jil. 3 Bil. 1 (39-59) 39. [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/30505/4.PDF](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/30505/4.PDF)
- Kamil, 'Umar 'Abd Allah. t.th. *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra wa Atharuha fi al-Mu'amalat al-Maliyah* (Doctoral Thesis). al-Azhar University, al-Qahirah.
- Kementerian Keselamatan Negara (2021). Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) & Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Diambil daripada [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my). 18 Jun.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). Soalan Lazim Penyakit Novel Coronavirus (Covid-19). Diambil daripada [https://www.infosihat.gov.my/images/media\\_sihat/lain\\_lain/pdf/SOALAN%20LAZIM%20COVID-19.pdf](https://www.infosihat.gov.my/images/media_sihat/lain_lain/pdf/SOALAN%20LAZIM%20COVID-19.pdf). 25 Disember.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2021). Situasi Semasa Pandemik COVID-19 Di Malaysia. Diambil daripada <http://covid-19.moh.gov.my/>. 18 Jun.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2021). Situasi Terkini COVID-19 di Malaysia. Diambil dari <http://covid-19.moh.gov.my/terkini/2021/06/situasi-terkini-covid-19-di-malaysia-16062021>. 16 Jun.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Covid-19 Infografik. Diambil daripada <http://covid-19.moh.gov.my/>. 25 Disember.
- al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar (2007). *al-Qawaid al- fiqhiyyah*. Tunis: Jamiah Tunis al-Iftiradhiah.

- al-Khashni, Samir As'ad al-Syair (1971). *Arba'un al-Idariyyah min al-Arba'in al-Nawawi*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Ms 127.
- Mahyuddin Yassin (2020). Perutusan Khas Perdana Menteri Mengenai Covid-19 16 Mac 2020. Diambil dari. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020/>. 25 Disember.
- Mahyuddin Yassin (2020). Perutusan Khas Perdana Menteri Mengenai Covid-19 16 Mac 2020. Diambil dari. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-11-Januari-2021/>. 25 Disember.
- Mohammad Hashim Kamali (1998). *Qawa'id al-Fiqh: The Legal Maxims of Islamic Law. The Muslim Lawyer Journal* 3(2): 1-13.
- Mohd Izzuddin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Mohd Noor, Farrah Yazmin Aziz & Badriah Nordin (2020). Aplikasi Qawaid fiqhiyyah dalam Menghadapi Covid. *Jurnal INSLA* 3(1): 181 -193.
- Muhamad Zuhaili Saiman. (24 Disember 2020). Penularan wabak COVID-19 wajib dicegah Diambil dari <https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/17/penularan-wabak-covid-19-wajib-dicegah/>
- Muhammad Najhan Halim (2020). COVID-19 : Mudarat Itu Wajib Dihilangkan. Diambil dari <https://berita.pas.org.my/covid-19-mudarat-itu-wajib-dihilangkan/>. 24 Disember.
- Muhammad Zaharuddin Zakaria. (2016). *al-Madkhal ila al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muiz, A (2020). Landasan dan Fungsi al- Qawa'id al-Fiqhiyyah dalam Problematika Hukum Islam. *al-Afkar: Journal For Islamic Studies*, 3(1): 103-114.
- al-Nadawi, 'Ali Ahmad. *al-Qawa'id al- fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam, cet. 4, h. 158.
- Sadlan, Salih bin Ghanim (1417H). *al-Qawaid al-Kulliyah al-Kubra wa ma Tafarra' 'Anha*. al-Riyadh: Dar Balansiah.
- Sana, Qutb Mustafa. 2000. *Mukjam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Damascus: Dar al-Fikr.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Tuniji (1997). *al-Muwafaqat*. Dar Ibn Iffan. al-Mamlakah al-Arabiah al-Saudiyah. Jld.1.
- Sinar Harian*. (30 Januari 2021). PKP di enam negeri mulai 22 Januari. Diambil dari [sinarharian.com.my](http://sinarharian.com.my).
- Suparmin, S (2013). al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Khassah fil al-Ibadah wa Tatbiqatihah. *al-Irsyad* 3: 79-95.
- Suraya Roslan (2020). Covid-19-Semua Aktiviti di Masjid, Surau Ditangguhkan. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/03/555161/covid-19-semua-aktiviti-di-masjid-surau-ditangguhkan>. 23 Disember.
- al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin al-Kamal. (1983). *al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqhi al-Syafi'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman (2016). *al-Asybah wa al-Nazha'ir Fi Qawaid al-fiqhiyyah. Mardhiya Mukhtar* (terj). Kaedah-kaedah Hukum Islam Mazhab Syafi'i. Selangor: Crescent News Sdn. Bhd.
- Thalib, P (2016). Pengaplikasian Qowaid Fiqhiyyah dalam Hukum Islam Kontemporer. *Jurnal Yuridika*, 31(1): 108-120.
- Zaydan, 'Abd al-Karim (2001). *al-Wajiz fi Sharh al-Qawa'id al- fiqhiyyah fi al-Shar'iah al-Islamiah*. Muassasah al-Risalah. Beirut.

- Zaydan, ‘Abd al-Karim (2001). *al-Wajiz fi syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jld. 4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zulfaqar Mamat (2020). Aplikasi Kaedah fiqh ‘*la darar wa la dirar*’ dalam Isu Covid-19 Di Malaysia. Jurnal INSLA. USIM 3(1): 331-339.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2020). Bayan Linnas Siri Ke-189: Maqasid Syariah Dalam Perubatan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>. 24 Disember